

Seminar Perlaksanaan Bahasa Malaysia (1983: Universiti Sains Malaysia): Suatu ulasan

oleh
Ibrahim bin Ismail*

Abstract: At this Seminar, four major themes related to the implementation of Bahasa Malaysia as the medium of instruction of all first year courses in all institutions of higher learning, beginning with the 1983/84 session, were identified and discussed at length. These were: 1. Programmes that have been arranged to teach in Bahasa Malaysia; 2. The proficiency of teaching staff; 3. Terminologies; and 4. The need for text books and other reference books in Bahasa Malaysia.

Seminar bertemakan 'Menilai Perlaksanaan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pengantar di Institusi Pengajian Tinggi' ini dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Malaysia, Universiti Sains Malaysia pada 4 dan 5 Februari 1983 di kampus USM. YB Datuk Dr Sulaiman Haji Daud, Menteri Pelajaran Malaysia telah merasmikannya.

Sebanyak sepuluh kertaskerja dibentangkan dalam seminar ini (satu daripadanya secara lisan). Tujuh buah disediakan oleh tenaga pengajar Universiti, satu oleh wakil Dewan Bahasa dan Pustaka, dan dua ditulis oleh pelajar. Perbincangan keseluruhannya berkisar pada empat tema utama, iaitu:

1. Rancangan yang telah teratur untuk perlaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam tahun pertama bagi semua kursus pada sessi 1983/84.
2. Kefasihan tenaga pengajar dalam Bahasa Malaysia.
3. Masalah peristilahan.
4. Kekurangan buku-buku teks dan rujukan lain dalam Bahasa Malaysia.

Kita sedia maklum bahawa pelajar-pelajar yang akan masuk institusi-institusi pengajian tinggi tempatan terus daripada sekolah-sekolah pada sesi 1983/84 adalah mereka yang telah mengorak langkah dengan menerima pelajaran mereka dalam Bahasa Malaysia sejak di Darjah Satu pada tahun 1970. Selama tigabelas tahun di bangku sekolah, mereka telah menguasai Bahasa Malaysia, dan kini sampailah masanya untuk menimba ilmu di peringkat Universiti dalam Bahasa Malaysia. Hakikat ini ternyata dan disedari oleh semua penulis kertaskerja. Dengan ke-

sedaran ini maka apa yang dibicarakan selama dua hari berseminar ialah persediaan di institusi-institusi pengajian tinggi untuk melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya untuk kuliah, tutorial, tugas dan peperiksaan.

Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan tidak menunggu-nunggu sehingga 1983. Secara berperingkat banyak kursus telah pun dikendalikan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia, khususnya dalam bidang pengajian kemanusiaan dan sains sosial. Kursus-kursus sains, kejuruteraan dan perubatan terkebelakang sedikit kerana beberapa sebab tertentu yang secara am dapat dilihat di bawah.

Pelajar-pelajar siap sedia untuk mengikuti kuliah dan tutorial; menulis esei dan tugas; dan menghadapi peperiksaan dalam Bahasa Malaysia. Bagaimana pula bagi pihak tenaga pengajar. Selain dari mewajibkan kelulusan pada peringkat SPM dalam Bahasa Malaysia, institusi-institusi pengajian tinggi menjalankan berbagai kursus intensif bahasa untuk mempertingkatkan kefasihan tenaga pengajar. Kerumitan yang tetap akan dihadapi ialah apabila tenaga pengajar asing diambil atau dijemput untuk mengendalikan kursus-kursus yang khusus.

Usaha-usaha untuk menjadikan Bahasa Malaysia suatu bahasa yang boleh menyampaikan fikiran dan konsep-konsep saintifik telah lama dijalankan. Teraju utama dalam perkara ini dipikul oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah berikhtiar menuahkan berpuluhan jawatankuasa istilah dalam semua bidang ilmu. Institusi-institusi pengajian tinggi juga

*Pustakawan Koleksi Kebangsaan, Perpustakaan Universiti Malaya.

menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa sedemikian. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dianggotai oleh pakar-pakar perkara dan bahasa yang sama-sama membentuk beribuan istilah. Sejak kerajaan Malaysia dan Indonesia bersetuju pada satu sistem ejaan Rumi yang sama, sebuah badan dengan nama Majlis Bahasa Indonesia—Malaysia diwujudkan yang bermesyuarat dua kali setahun. Di mesyuarat-mesyuaratnya istilah-istilah telah diseragamkan. Penerbitan istilah-istilah telah diusahakan dalam bentuk edisi awal, edisi stensilan dan akhir-akhir ini edisi muktamad dalam berbagai bidang telah diterbitkan. Apa yang diharapkan ialah supaya semua pihak — pengajar, pelajar, penulis dan orangramai — menggunakan istilah-istilah ini sehingga istilah-istilah tersebut tidak asing kepada telinga kita lama-kelamaan.

Pengajian di peringkat Universiti amat bergantung pada bacaan luas. Jika pelajar-pelajar hanya menggunakan sebuah buku teks untuk satu mata pelajaran di sekolah, di Universiti pula mereka perlu merujuk kepada lebih daripada sebuah buku, malah setengah-setengah kursus mewajibkan rujukan kepada berpuluhan bahan baik berbentuk buku atau makalah. Dalam hubungan ini kita maklum bahawa kebanyakan buku-buku berbahasa Malaysia yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit tempatan ialah dalam bidang sastera tulen, iaitu novel, cerpen, sajak, puisi dan kajian-kajian mengenai sejarah kesusastraan dan tatabahasa. Keadaan ini timbul kerana pasaran bagi buku-buku seperti ini amat laris. Tetapi buku-buku berbahasa Malaysia dalam bidang-bidang lain juga amat penting. Bagi setengah-setengah kursus popular, pasaran bagi buku-buku dalam bidang itu terjamin dengan adanya beratusan pelajar yang memerlukan buku-buku tersebut di institusi pengajian tinggi tempatan. Tetapi bagi kursus-kursus yang tidak ramai jumlah pelajarnya penerbitan buku-buku dalam bidang tersebut adalah suatu pertaruhan dan penerbit-penerbit tidak boleh disalahkan jika mereka tidak menceburkan diri dalamnya. Di sinilah pihak berkuasa perlu mengusahakan penerbitan buku-buku seperti ini tanpa mengambil kira keuntungan, atau memberikan subsidi kepada penerbit swasta untuk menerbitkannya kerana kos pengeluaran bagi edisi-edisi kecil tinggi dan harga sesuatu naskhah mungkin di luar kemampuan para pelajar.

Sebelum sesebuah buku diterbit, ia perlu diorang. Bagi buku-buku ilmiah ia bukan sahaja per-

lukan kepakaran ilmu tetapi juga keupayaan untuk menyampaikan ilmu itu dalam bahasa persuratan yang baik. Suatu jalan singkat untuk menghasilkan banyak lagi buku-buku ilmiah ialah melalui penterjemahan. Kerja penterjemahan bukanlah semudah yang dianggap. Ia perlukan pengetahuan baik dalam bahasa asal buku yang akan diterjemahkan; pengetahuan ilmu supaya tidak lari daripada konsep dan maksud pengarangnya; dan pengetahuan Bahasa Malaysia yang baik untuk menyampaikan isi kandungan buku. Dalam bidang penerbitan buku-buku terjemahan, Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan besar sepertimana dapat kita perhatikan daripada jumlah buku yang diterbitkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Dari segi penerbitan buku-buku asal dalam Bahasa Malaysia, ada dua cara untuk menghasilkannya. Pertama ialah, nota-nota kuliah para tenaga pengajar dicetak secara stensilan sebagai suatu rancangan percubaan. Ianya boleh diperbaiki dan diterbitkan kelak sebagai buku. Kedua ialah dengan menerbitkan karya-karya pelajar-pelajar sendiri seperti latihan-latihan ilmiah atau ese-i-esei panjang mereka yang bermutu. Begitu juga dengan tesis-tesis sarjana dan kedoktoran. Dalam hubungan ini kenyataan Naib-Canselor USM di upacara perasmian Seminar bahawa Universiti tersebut sedia memberikan cuti bergaji penuh selama enam bulan kepada tenaga pengajarnya yang sanggup menulis atau menterjemahkan buku-buku ilmiah amat memerangsangkān.

Perpustakaan-perpustakaan institusi pengajian tinggi di Malaysia memperolehi banyak buku-buku yang diterbitkan di Indonesia, baik karya-karya asal maupun yang diterjemahkan. Perusahaan percetakan di Indonesia telah banyak maju dalam masa sepuuh tahun kebelakangan ini. Buku-buku tersebut bermutu tinggi dari segi rupa dan kandungan dengan sisipan-sisipan ralat yang makin lama makin kurang kerana perhatian serius para penerbit kepada hasil usaha mereka. Tetapi mungkin ramai di Malaysia belum begitu mahir atau fasih dengan gaya bahasa Bahasa Indonesia. Saya rasa keadaan yang sama mungkin dialami oleh orang-orang Indonesia yang membaca buku-buku dalam Bahasa Malaysia!

Jawatankuasa Pembentukan Rumusan Seminar ini telah membentangkan beberapa usul. Usul-usul tersebut telah dibincang dengan hangat dan versi muktamad akan diedarkan oleh Jawatankuasa Pengelola Seminar dalam sedikit masa lagi. Buat sementara itu, satu usul yang diterima baik dan yang se-

harus diberi perhatian serius ialah pengurniaan anugerah penghargaan kepada buku-buku ilmiah yang bermutu tinggi dalam Bahasa Malaysia. Jika sekian lama anugerah-anugerah diberikan kepada karya-karya sastera tulen, maka sampailah masanya untuk menghargai usaha dan jasa mereka yang memperkayakan khazanah ilmu dalam bahasa kebangsaan kita.

Kertaskerja-kertaskerja yang dibentangkan

1. Dasar dan perlaksanaan Bahasa Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi: satu tinjauan umum oleh Abdullah Hassan.
2. Perlaksanaan dan kemampuan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam bidang kejuruteraan oleh Wan Abu Bakar Wan Abas dan Tengku Mohd. Azzman Shariffadeen.
3. Perlaksanaan dan kemampuan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam bidang sains tulen, disampaikan secara lisan oleh Prof. Madya Dr. Shaharir Mohamad Zain dari UKM.
4. Perlaksanaan dan kemampuan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam bidang sains perubatan oleh Mohd. Roslani Abd. Majid.
5. Perlaksanaan dan kemampuan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam bidang undang-undang oleh Ahilemah Joned.
6. Perlaksanaan dan kemampuan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam bidang sastera oleh Amir Hussin Hj. Baharuddin.
7. Pembinaan dan ketepatan bahasa serta penerbitan buku dalam Bahasa Malsyia oleh Sha'ari Abdullah.
8. Perlaksanaan dan kemampuan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam bidang sains gunaan oleh Mohd. Muslim Mohd. Yusoff.
9. Dasar dan perlaksanaan Bahasa Malaysia dalam bidang sains — persepsi mahasiswa oleh Muhamad Sobri Othman.
10. Dasar bahasa dan perlaksanaannya di Universiti Sains Malaysia — persepsi mahasiswa oleh Abu Kassim Mohamad.

Semua kertaskerja ini (kecuali nombor 3) dan beberapa lampiran lain, boleh dirujuk di Bahagian Koleksi Kebangsaan.